

Bil. S 14

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2018/2019) (BIL. 2), 2019

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 70/2018) bertarikh 17 haribulan Disember 2018 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuat kuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah sedemikian, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh bab 10(3) dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, jika Baginda berpuas hati bahawa suatu keperluan yang segera dan tidak diduga telah timbul bagi perbelanjaan yang tidak ada dalam peruntukan lain dan wang tidak dapat diadakan di bawah bab 13(4) dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan), membuat pinjaman dari Kumpulanwang Luarjangka untuk memenuhi keperluan itu.

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat bilion enam ratus juta ringgit (\$4,600,000,000.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2018/2019), 2018 (Akta 1 tahun 2018).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga ratus empat belas juta, enam ratus tiga puluh lapan ribu, enam ratus tiga puluh sembilan ringgit dan tujuh puluh lapan sen (\$314,638,639.78) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2018/2019) (Bil. 1), 2019.

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak sepuluh juta, sembilan ratus satu ribu, enam ratus satu ringgit (\$10,901,601.00).

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2018/2019) (Bil. 2), 2019.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2018/2019, peruntukan dan penggantian jumlah wang yang dipinjamkan dari Kumpulanwang Luarjangka

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi sepuluh juta, sembilan ratus satu ribu, enam ratus satu ringgit (\$10,901,601.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual bagi tahun 2018/2019, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2018/2019), 2018 (Akta 1 tahun 2018) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2018/2019) (Bil. 1), 2019, adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Bagi maksud-maksud cerai (1), jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah diperuntukkan bagi tajuk perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruang pertama.

(3) Penggantian jumlah wang tersebut dengan jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang keempat Jadual, yang merupakan jumlah wang yang dipinjamkan dari Kumpulanwang Luarjangka, adalah dengan ini dibenarkan.

JADUAL

<i>Tajuk perbelanjaan</i>	<i>Gelaran</i>	<i>Jumlah wang yang diperuntukkan</i>	<i>Pinjaman dari Kumpulanwang Luarjangka</i>
JABATAN PERDANA MENTERI			
SA05A	Biro Mencegah Rasuah	\$100,000.00	\$100,000.00
SA08A	Radio Televisyen Brunei	\$1,022,780.00	\$1,022,780.00

JADUAL – (Sambungan)

<i>Tajuk perbelanjaan</i>	<i>Gelaran</i>	<i>Jumlah wang yang diperuntukkan</i>	<i>Pinjaman dari Kumpulanwang Luarjangka</i>
	KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN		
SA24A	Jabatan Perkhidmatan Elektrik	\$1,259,000.00	\$1,259,000.00
	KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI		
SD09A	Perkhidmatan Rampaian	\$3,560,000.00	\$3,560,000.00
	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI		
SE03A	Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria	\$458,195.00	\$458,195.00
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN		
SF01A	Kementerian Pendidikan	\$558,660.00	\$558,660.00
	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA		
SJ01A	Kementerian Hal Ehwal Ugama	\$1,924,100.00	\$1,924,100.00
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN		
SK06A	Jabatan Tanah	\$194,903.00	\$194,903.00
	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI		
SN04A	Jabatan Penerbangan Awam	\$1,823,963.00	\$1,823,963.00
		<u>\$10,901,601.00</u>	<u>\$10,901,601.00</u>

Diperbuat pada hari ini 8 haribulan Ramadhan, Tahun Hijrah 1440 bersamaan dengan 14 haribulan Mei, 2019 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**